

Taksi Uber: KWAP labur RM123 juta

Oleh **FADZIL ZAINOL**

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 SEPT.

PERKHIDMATAN taksi menggunakan aplikasi, Uber Technologies Inc. (Uber) menegaskan syarikat tersebut menerima pelaburan daripada dana pencen kerajaan, Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) yang dilaporkan bernilai AS\$30 juta (RM123 juta).

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Datuk Wan Kamaruzaman Wan Ahmad berkata, pelaburan itu adalah pelaburan langsung pertama yang dilakukan oleh badan itu di dalam syarikat asing.

“Ini adalah satu daripada usaha KWAP untuk menjadi pelabur global di dalam pelbagai sektor. Uber merupakan syarikat baharu yang telah mengubah corak sistem perkhidmatan taksi dan kami percaya perniagaan ini mempunyai potensi besar untuk mengubah sistem pengangkutan masa depan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

KWAP ditubuhkan pada 1 Mac



KWAP

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
RETIREMENT FUND INCORPORATED



U B E R

2007 yang berperanan bagi meraih pulangan pelaburan untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencen. Antara

pelaburan yang dibuat oleh KWAP sebelum ini adalah dalam sektor hartanah dengan mempunyai aset-aset di United Kingdom serta kepentingan saham di dalam beberapa syarikat utama di Bursa Malaysia.

Kumpulan itu juga merupakan dana pencen kedua terbesar Malaysia selepas Kum-

pulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan aset sebanyak RM123 bilion. Dilaporkan terdapat kira-kira 660,000 penerima pencen kerajaan yang mendapat manfaat hasil aktiviti KWAP dengan anggaran pembayaran pencen dilakukan setiap tahun berjumlah RM15 bilion.

Dalam kenyataan itu juga, Penganas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Uber, Travis Kalanick berkata, pihaknya gembira dengan kehadiran KWAP selaku satu daripada pengurus dana pencen terbesar di Asia Tenggara untuk melabur di dalam syarikatnya.

“Malaysia mempamerkan kesungguhan untuk terlibat di dalam teknologi baharu, terutamanya untuk mengatasi masalah pengangkutan dan pada masa sama menyediakan peluang-peluang ekonomi,” katanya.

Uber mula dilancarkan di Malaysia pada Januari 2014 dan ketika ini menawarkan perkhidmatannya di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh, Kota Kinabalu dan Kuching.

“Perkhidmatan ini juga memberi peluang baharu kepada rakyat Malaysia untuk menjana pendapatan, selain menawarkan kemudahan perjalanan yang hanya menggunakan telefon pintar,” katanya.



WAN KAMARUZAMAN